

bah

BRITAIN TIDAK PUNYAI HALANGAN TERHADAP EAEC, KATA HURD

Hurd

I

PETALING JAYA, 29 Julai (Bernama) -- Britain tidak mempunyai halangan tentang cadangan Malaysia bagi penubuhan Perundingan Ekonomi Asia Timur (EAEC), kata Setiausaha Luarnya, Douglas Hurd di sini hari ini.

Beliau berkata Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang beliau temui semalam, telah menjelaskan bahawa EAEC bukannya blok perdagangan tetapi sesuai dengan prinsip Perjanjian Am mengenai Tarif dan Perdagangan (GATT).

+Bagi pihak Britain, saya ingin menjelaskan bahawa kami tidak mempunyai halangan tentang cadangan itu,+ kata beliau pada persidangan akhbar selepas menyampaikan ceramah di Institut Diplomasi dan Hubungan Luar di sini.

Hurd yang berada di sini untuk lawatan dua hari selepas menghadiri mesyuarat dengan negara-negara rakan dialog Asean di Manila berkata, lawatannya ke Malaysia amat menyenangkan dan berhasil.

Beliau juga telah mengadakan rundingan dengan Menteri Luar, Datuk Abdullah Ahmad Badawi, Menteri Kewangan, Datuk Seri Anwar Ibrahim dan akan menemui Menteri Pertahanan, Datuk Seri Najib Tun Razak malam ini sebelum pulang pada tengah malam. -- Lagi

▼29/07/20-33MST

bah

Hurd 2 Petaling Jaya

Hurd berkata Malaysia telah mencapai pertumbuhan yang menggalakkan ketika kebanyakan negara di dunia mengalami kemelesetan.

Imbangan perdagangan antara Malaysia dan Britain kini menguntungkan Malaysia. Eksport Malaysia tahun lepas berjumlah 922 juta pound sterling (kira-kira \$4,300 juta) sementara Britain mengeksport barangan bernilai 593 million pound sterling (kira-kira \$2,700 juta) ke Malaysia pada tempoh yang sama.

+Prestasi kami di sini sama baik dengan prestasi Malaysia di Britain...Guru-guru Britain telah diminta oleh Perdana Menteri anda untuk memperbaiki pembelajaran Bahasa Inggeris di sekolah-sekolah di Malaysia.

+Kereta nasional Malaysia, Proton Saga sekarang mencatatkan jualan paling laris di Britain di kalangan kereta sekelas dengannya,+ kata Hurd.

Kedua-dua negara telah merangka perjanjian kembar untuk menghantar 1,500 orang pelajar Malaysia ke Britain untuk dilatih sebagai guru Bahasa Inggeris.

Beliau juga berkata Britain menyumbangkan 1.35 juta pound sterling (kira-kira \$6.3 juta) bagi program penyelidikan di Malaysia untuk pemeliharaan hutan di Asia Tenggara. -- Lagi

▼29/07/21-19MST

CNS7108

R GB 29-07 00128 BB530

bah

Hurd 3 Petaling Jaya

Setiausaha Luar British itu berkata Britain kini merupakan pelabur terbesar dari Eropah di Malaysia dengan pelaburannya berjumlah kira-kira 2,500 juta pound sterling.

+Dr Mahathir telah menjelaskan bahawa Malaysia mengalu-alukan pelaburan berteknologi tinggi dari Britain,+ kata beliau.

Britain telah memberi bantuan kewangan bagi pelaksanaan pelbagai projek dan Malaysia merupakan penerima terbesar bantuan berjumlah kira-kira 300 juta pound sterling pada 1986 bagi projek bernilai lebih 1,000 juta pound sterling termasuk terminal kontainer Butterworth dan projek hidro elektrik Pergau.

Mengenai pertahanan, Hurd berkata Britain juga menjual 28 buah pesawat Hawk, dua buah kapal perang dan peralatan komunikasi kawalan radar.

+Kita mempunyai komitmen kepada Angkatan Tentera Malaysia dan kita akan mematuhi,+ kata beliau. -- Lagi

▼29/07/21-19MST

CNS7111

R GB 29-07 00065 BB531

bah

Hurd 4 (Akhir) Petaling Jaya

Hurd berkata semasa lawatannya ke sini, beliau mendapati bahawa Britain yang menjadi anggota Kesatuan Eropah dan Malaysia yang berada dalam Asean mesra antara satu sama lain.

+Kita dapat berbincang dalam suasana mesra kerana kita mempunyai objektif bersama, kita mahu kedua-dua pertubuhan itu menuju ke arah yang sama,+ kata beliau.-- Bernama

▼29/07/21-21MST